

IKLAN JAWATAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|-----------------------|---|---|
| 1.1 | Jawatan | : | Naib Canselor |
| 1.2 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Tertinggi |
| 1.3 | Gred | : | Gred Utama A (VU5) Terbuka |
| 1.4 | Gaji dan Imbuhan | : | Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama A (VU5) mengikut Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) |
| 1.5 | Taraf Lantikan | : | Pertukaran Sementara/Pinjaman/Kontrak |
| 1.6 | Tempoh Lantikan | : | Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi) |
| 1.7 | Kelayakan | : | Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf |

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria pemilihan bagi jawatan Naib Canselor Universiti adalah seperti berikut:

2.1 Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwacana antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

2.2 Pengiktirafan Antarabangsa

Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

2.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.

- 2.4 **Reputasi**
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- 2.5 **Personaliti**
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- 2.6 **Proaktif**
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- 2.7 **Berfikiran Jauh dan Kritis**
Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.
- 2.8 **Berintegriti**
Penyandang perlu mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.
- 2.9 **Kapasiti Menjana Pendapatan**
Penyandang mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.
- 2.10 **Mempunyai Ciri-Ciri Pemimpin Bertransformasi dan Menghayati Agenda Nasional**
Penyandang perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Penyandang juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.
- 2.11 **Adaptasi Teknologi**
Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
- Surat permohonan rasmi;
 - Melengkapkan *Leadership Curriculum Vitae* (CV) yang terkini berserta gambar berukuran paspot mengikut templat yang disediakan oleh pihak JPT dan tidak melebihi lima (5) muka seperti di Lampiran;
 - Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap dan mengandungi maklumat-maklumat seperti latar belakang calon dan keluarga, latar belakang pendidikan calon, senarai penerbitan, anugerah dan hadiah yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta lain-lain sumbangan.
 - Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor; dan
 - Dokumen sokongan yang lain.
- 3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azmi Jumat

Pengarah
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah
No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 100579)
E-mel : upappu@ums.edu.my

- 3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
ARAS 4, BLOK SELATAN, BANGUNAN CANSELORI
JALAN UMS
88400 KOTA KINABALU
SABAH**

- 3.4 Hanya calon yang melepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu bual.
3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 30 April 2025 (Rabu).**